



INFO@SUKAN

SIRKIT SUKAN MASUM SIRI SATU DI UIAM

Oleh: En. Mohd Hafeez Nordin

Pada penghujung Januari iaitu pada 27 Januari hingga 30 Januari 2011 yang lalu, pasukan Taekwondo, Rugby dan Sepak Takraw UniMAP telah menyertai siri Sukan MASUM untuk Siri Satu yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UiAM) dengan jumlah seramai 43 orang atlet dan 4 orang pegawai. Kejohanan yang berlangsung selama 4 hari itu telah disertai seramai 23 buah Universiti yang mana konsep kejohanan pada kali ini telah diputuskan oleh pihak pengajur bagi bertujuan untuk menyaksikan dalam ketiga-tiga siri ini pihak pasukan universiti dapat mengetengahkan banyak pemain – pemain baru agar dapat beraksi pada setiap-tiap siri sukan. Selain itu pasukan UniMAP telah mencapai kejayaan pada penyertaan kali ini yang mana pencapaiannya adalah :

Bagi acara Taekwondo Kontingen UniMAP berjaya meraih pingat Emas melalui acara Pomsae Wanita berkumpulan dan pingat perak melalui acara Feather Weight Lelaki. Manakala acara Sepaktakraw pasukan UniMAP berjaya melayakkan diri ke pusingan ke 3 manakala acara Ragbi pula berjaya mendapat pingat gangsa bagi acara “bowls”.

Tahniah Buat Pasukan UniMAP

